



# e-Buletin

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KAMI SEDIA MEMBANTU

EDISI JUN 2015



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

5 min



**Majlis Berbuka Puasa  
Menteri Kesihatan  
Bersama Media  
2015**

Suka

Komen

Komen 30 Komen

Suka

200,000 Suka



LAWATAN KERJA  
KE RANAU



PENGANUGERAHAN  
PANGLIMA SETIA MAHKOTA



MAJLIS JASAMU DIKENANG  
& BERBUKA PUASA



<http://www.moh.gov.my>



[www.facebook.com/pages/  
kementerian-kesihatan-malaysia](http://www.facebook.com/pages/kementerian-kesihatan-malaysia)



<http://twiter.com/kkmputrajaya>



[http://www.youtube.com/  
kementeriankesihatan](http://www.youtube.com/kementeriankesihatan)



[http://instagram.com/  
kementeriankesihatanmalaysia](http://instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia)




Majlis Berbuka Puasa

**YBMK Bersama Pengamal Media**

Tarikh: 23 Jun 2015

Tempat: Casa Heliconia Felda, Jalan Semarak, KL



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa Menteri Kesihatan bersama pengamal media. Turut hadir YB Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali, KSU dan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham, KPK. Majlis diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara pengamal media dengan KKM. Media merupakan rakan kongsi KKM dalam membantu membentuk minda rakyat yang positif melalui laporan kesihatan yang terbaik.



Lawatan Kerja Ke

**Daerah Ranau**

Tarikh: 9 Jun 2015

Tempat: Ranau, Sabah



YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah meninjau fasiliti KKM yang terjejas akibat gempa bumi di Ranau, Sabah. Turut hadir Dr. Christina Rundi, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah. Selain itu, lawatan tersebut bertujuan memberi motivasi kepada petugas KKM agar terus memberi perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat walaupun ketika negara dilanda musibah.

## Penganugerahan Panglima Setia Mahkota (P.S.M)

**Tarikh:** 6 Jun 2015

**Tempat:** Istana Negara

YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali, KSU KKM telah dikurniakan Darjah Kebesaran Pingat Panglima Setia Mahkota (PSM) oleh DYMM Seri Paduka Baginda sempena ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi Baginda pada 6 Jun 2015 setelah diperkenan oleh YAB Perdana Menteri. Ini merupakan satu pengiktirafan setelah 33 tahun menabur bakti dalam perkhidmatan awam untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang cekap dan cemerlang.



SENARAI NAMA PENERIMA DARJAH-DARJAH KEBESARAN PERSEKUTUAN PADA 6 JUN 2015	
DARJAH YANG MULIA SETIA MAHKOTA MALAYSIA Cogakata: "BERSERAH KEPADA ALLAH BERSETIA KEPADA"	
<p>Darjah: Panglima Setia Mahkota (P.S.M.)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. YA Tan Sri Zainun binti Ali, P.S.M.</li> <li>2. YBhg. Tan Sri Farida binti Mohd. Ali, P.S.M.</li> <li>3. YBhg. Tan Sri Rebecca Fatima Sta Maria, P.S.M.</li> <li>4. YBhg. Tan Sri Dr. Ong Hong Peng, P.S.M.</li> <li>5. YBhg. Tan Sri Haji Ahmad Phesal bin Talib, P.S.M.</li> <li>6. YBhg. Jeneral Tan Sri Roslan bin Saad TUDM, P.S.M.</li> <li>7. YBhg. Tan Sri Lim Hock San, P.S.M.</li> <li>8. YBhg. Tan Sri Ir. Ng Boon Thong @ Ng Thian Hock, P.S.M.</li> <li>9. YBhg. Tan Sri Lim Huah Leong, P.S.M.</li> <li>10. YBhg. Tan Sri Alies Anor bin Abdul, P.S.M.</li> <li>11. YBhg. Tan Sri Balakrishnan a/f V. Sinnayah, P.S.M.</li> <li>12. YBhg. Profesor Tan Sri Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah, P.S.M.</li> <li>13. YBhg. Tan Sri Kuan Peng Ching @ Kuan Peng Soon, P.S.M.</li> </ol> <p>DARJAH YANG MULIA JASA NEGARA Cogakata: "BERUSA DAN BERBAIKTI"</p>	



## Majlis Jasamu Dikenang & Berbuka Puasa

**Tarikh:** 21 Jun 2015

**Tempat:** Hotel Concorde, Shah Alam

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah merasmikan Majlis Jasamu Dikenang dan Majlis Berbuka Puasa. Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim, TKPK (KA). Majlis tersebut turut memberikan penghormatan kepada Tuan Hj. Abdul Jabar Ahmad, Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan dan YBhg. Dato' Dr. Anwa Sulaiman, Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu yang bersara.



## The 21st National Scientific Conference of The Malaysian Dietitian Association

Tarikh: 11 Jun 2015

Tempat: Hotel Istana, Kuala Lumpur

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan "The 21st National Scientific Conference of The Malaysian Dietitian Association". Turut hadir YBhg. Dato' Tan Yoke Hwa, Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu. Tema seminar kali ini adalah "Envisioning the future to enhance practice today". Seminar tersebut merupakan perhimpunan tahunan terbesar di Malaysia yang terdiri daripada pakar diet yang menumpukan kepada sains, amalan pemakanan dan dietetik. Seminar tersebut bertujuan sebagai landasan untuk golongan profesional penjagaan kesihatan mengetahui lebih lanjut tentang teori, aplikasi pemakanan dan dietetik.

Selain itu, peserta seminar dapat bertukar pendapat, mencari peluang-peluang baru serta meluaskan pengetahuan dalam bidang kesihatan.



## Sumbangan Dana Kepada Majlis AIDS Malaysia (MAM)

Tarikh: 19 Jun 2015

Tempat: KKM, Putrajaya

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyampaikan dana RM6.59 juta kepada Majlis AIDS Malaysia (MAM) di KKM Putrajaya. Turut hadir Datuk Dr. Raj Karim, Presiden Majlis AIDS Malaysia. Kelulusan dana diagihkan untuk 36 buah projek bagi 49 pertubuhan bukan kerajaan yang bernaung di bawah Majlis AIDS Malaysia. Ianya bertujuan menjalankan program pencegahan serta kawalan HIV dan AIDS di seluruh Malaysia. Terdapat kira-kira 88,000 rakyat negara ini yang dijangkiti HIV/AIDS tetapi hanya 21,000 yang tampil mendapatkan rawatan manakala selebihnya tidak dapat dijelaki.



# LAWATAN KERJA KSU



## Hospital Labuan

Tarikh: 10 Jun 2015

Tempat: Labuan



YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali, KSU KKM telah mengadakan lawatan kerja di Hospital Labuan. Turut hadir YBhg. Dato' Dr. Hj Azman bin Abu Bakar, Pengarah Perkembangan Perubatan KKM dan Puan Rahmah bt Ramli, Setiausaha Kanan Bahagian Pembangunan KKM. Dr. Ismail bin Ali, Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan telah menyampaikan taklimat ringkas perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh 1 hospital pakar minor, 1 klinik kesihatan, 10 klinik desa, 1 klinik 1Malaysia dan 1 RSAT TDM. YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali turut menyampaikan cenderahati kepada pesakit yang menerima rawatan di pusat hemodialisis dan wad pediatrik.

## Hospital Bau

Tarikh: 13 Jun 2015

Tempat: Bau, Sarawak

YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali, KSU KKM telah bertemu warga kerja KKM ketika lawatan ke Hospital Bau, Sarawak. Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Zulkifli Jantan, Pengarah Kesihatan Sarawak. Dr. Jasmany Liboh, Pengarah Hospital Bau telah menyampaikan taklimat ringkas berkaitan perkhidmatan kesihatan yang disediakan untuk penduduk tempatan. Selain itu, pihak hospital telah mengaturkan lawatan ke kawasan persekitaran, wad-wad dan kemudahan yang sedia ada.





## Majlis Berbuka Puasa KKM

Tarikh: 24 Jun 2015

Tempat: Dewan Serbaguna, IPKKM



YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa Kementerian Kesihatan Malaysia di Dewan Serbaguna KKM. Turut hadir YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali, KSU KKM dan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, KPK KKM. Acara penyampaian sumbangan kepada 250 orang warga IPKKM termasuklah 13 orang golongan OKU serta 24 bapa/ibu tunggal bersama anak-anak yatim. Selain itu, Ustaz Ahmad Dasuki bin Abd Rani telah menyampaikan tazkirah bertajuk "Andai Ini Ramadhan Terakhirku". Majlis berakhir dengan solat sunat terawikh secara berjemaah.

## Perjumpaan Khas Ketua Pengarah Kesihatan 2015

Tarikh: 22 Jun 2015

Tempat: Hotel Concord, Shah Alam

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah menghadiri perjumpaan Khas Ketua Pengarah Kesihatan 2015. Perjumpaan tersebut melibatkan Ketua Program Teknikal, Bahagian Teknikal, Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengarah Kesihatan Negeri. Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Jeyaindran TKPK (P) dan YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim, TKPK (KA). Antara perkara yang disentuh adalah RMK-11, Program Kawalan Tibi, Denggi, KOSPEN, meningkatkan Pembangunan Profesional Berterusan (MyCPD) dan sebagainya.



## Hari Penderma Darah Sedunia 2015

Tarikh: 14 Jun 2015

Tempat: Astaka Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2015 Peringkat Kebangsaan anjuran Pusat Darah Negara. Tema Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2015 adalah 'Thank You for Saving My Life'. Pelbagai aktiviti dilaksanakan seperti Larian Blood Donors Day, zumba, pameran, pertandingan mewarna, Photo Scavenger Hunt, kempen derma darah, pemeriksaan kesihatan percuma dan lain-lain. Acara-acara tersebut telah menarik minat dan memberi kesedaran kepada pengunjung tentang pentingnya menderma darah. Program tersebut mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada orang ramai.



## Program Berjalan 10,000 Langkah

Tarikh: 14 Jun 2015

Tempat: Tebingan Sungai Kuching

YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali KSU KKM telah menyertai Program Berjalan 10,000 langkah sempena Minggu Aspreasi Kesenian KKM di Tebingan Sungai Kuching, Sarawak. Turut hadir pengurusan tertinggi KKM dan negeri Sarawak. Program ini diadakan bagi mempromosikan kepelbagaian kehidupan yang aktif sebagai gaya hidup sihat. Senaman bercirikan seni tarian yang mudah, ceria dan menyeronokkan.





## Program Nafas Baru

Tarikh: 14 Jun 2015

Tempat: Masjid Putra, Putrajaya



YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah melancarkan "Program Nafas Baru Ramadan", satu program tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama JAKIM. Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK dan Encik Saiful Anuar Bin Lebai Hussen, TKSU. Program ini bertujuan memberi motivasi kepada perokok untuk berhenti merokok dalam bulan Ramadan.

## Panel Kajian Semula Senarai Ubat-Ubatan KKM

Tarikh: 30 Jun 2015

Tempat: KKM, Putrajaya

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah menghadiri Kajian Semula Ubat-Ubatan KKM 2015. Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Jeyaindran TKPK (P). Sehingga kini, terdapat 1,660 dadah yang disenaraikan dalam formulari ubat KKM. Formulari ubat KKM adalah rujukan mengenai semua ubat yang boleh digunakan untuk KKM. Formulari ini adalah suatu pendekatan dasar dan pentadbiran untuk mengawal dan menggalakkan penggunaan ubat-ubatan secara rasional dan berkualiti.





## **Simposium COMBI & Sambutan Hari Denggi ASEAN 2015**

Tarikh: 16-17 Jun 2015

Tempat: Klana Resort, Seremban



YB Datuk Seri Dr S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Simposium COMBI & Sambutan Hari Denggi ASEAN 2015 peringkat kebangsaan. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min TKSU (Kewangan) dan Dr. Chong Chee Kheong, Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit. Majlis tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pengunjung tentang pentingnya bersama membanteras nyamuk AEDES. Pengunjung didedahkan tentang cara penjagaan kebersihan sekitar perumahan dan bebas dari sebarang risiko pembiakan nyamuk AEDES.

## **Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang (APC) 2014**

Tarikh: 11 Jun 2015

Tempat: Menara Tun Mustapha, Sabah

YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali, KKM merasmikan Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang, Sambutan Hari Inovasi dan Malam Jasamu Dikenang di Menara Tun Mustapha Sabah. Turut hadir Dr. Christina Rundi, Pengarah Kesihatan Sabah. Majlis ini bertemakan "Melestarikan Kecemerlangan, Melangkaui Kebiasaan". Penerima APC adalah seramai 691 orang, 16 pemenang pertandingan inovasi peringkat JKN Sabah dan sijil pengiktirafan kepada 88 orang pesara.





## PERHIMPUNAN BULANAN JUN 2015

Tarikh: 9 Jun 2015

Tempat: IPKKM



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan perjumpaan bulan Jun. Turut hadir YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali, KSU KKM. Ucapan YBMK telah menyentuh kewujudan budaya keberhasilan bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja berdasarkan KPI KKM. Dalam perjumpaan tersebut terdapat sesi soal jawab antara YBMK dengan warga KKM terhadap tanggapan warga KKM ke atas budaya keberhasilan di dalam KKM.



## Perjumpaan Lembaga Pendidikan Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh: 19 Jun 2015

Tempat: Aras 9, Blok E7, IPKKM



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah menghadiri perjumpaan Lembaga Pendidikan KKM 2015. Beberapa perkara telah dibincangkan seperti yang berikut:

- Meningkatkan pelaksanaan Kursus Diploma Pra-Perkhidmatan
- Sijil-tahap Pengkhususan
- Program Diploma Lanjutan
- Program Post Pengkhususan Asas

Kursus-kursus meliputi bidang pengkhususan untuk paramedik dan profesional kesihatan bersekutu yang merupakan tulang belakang kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan. Kursus-kursus tersebut merupakan kelayakan tambahan bagi memajukan kerjaya dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan.

## APHM International Healthcare Conference & Exhibition 2015

Tarikh: 15 Jun 2015

Tempat: Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)



15-



## Majlis Perjumpaan Bersama Polis Bantuan HKL

Tarikh: 27 Jun 2015

Tempat: Auditorium Hospital HKL



YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali, KSU KKM telah menghadiri Majlis Perjumpaan Bersama Polis Bantuan HKL di Auditorium Hospital Kuala Lumpur. Turut hadir Encik Saiful Anuar Lebai Hussen, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKM dan YBhg. Dato' Dr. Zaininah Mohd Zain, Pengarah Hospital Kuala Lumpur. Pasukan ini mula ditubuhkan pada tahun 2009 sebagai projek perintis KKM untuk menyediakan pasukan keselamatan di hospital yang merupakan kawasan berisiko tinggi bagi menggantikan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta. Kini jumlah pengisian jawatan polis bantuan di hospital seluruh Malaysia adalah sebanyak 486 jawatan.



**SENARAI NAMA PEGAWAI YANG BERTUKAR MASUK (GRED 54 KE ATAS) BAGI BULAN JUN 2015**



**DR. MOHD NASIR BIN ABD AZIZ**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PERUBATAN  
GRED KHAS C  
BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT  
Tarikh : 18 MEI 2015



**RAMLI BIN ZAINAL**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI FARMASI  
GRED UTAMA C  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI  
Gelaran Tarikh : TIMBALAN PENGARAH  
18 MEI 2015

**SENARAI NAMA PEGAWAI YANG BERTUKAR KELUAR (GRED 54 KE ATAS) BAGI BULAN JUN 2015**



**DR. NOUR HANAH BINTI OTHMAN**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI FARMASI  
GRED UTAMA C  
HOSPITAL KUALA LUMPUR  
Gelaran Tarikh : KETUA JABATAN FARMASI  
18 MEI 2015



**DATIN DR. SALMIAH BINTI BUSTANUDDIN**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PERGIGIAN  
GRED UTAMA C (M)(KUP)  
JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR  
Gelaran Tarikh : TIMBALAN PENGARAH  
18 MEI 2015

**MAKLUMAT PEGAWAI YANG BERSARA PADA TAHUN 2015 DI BAGI BULAN JUN 2015**



**CHAN PENG WAH**

Jawatan / Tempat : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT  
GRED UTAMA C  
BAHAGIAN TELEKESIHATAN  
Tarikh Bersara : 07.06.2015 (PILIHAN)  
Anugerah / Pingat : BINTANG K.M.N 2007, APC 2008  
Tarikh Perkhidmatan : 30.11.1978 hingga 07.06.2015  
(36 tahun 6 bulan)

**PENASIHAT**

**KETUA SETIAUSAHA**

YBhg. Tan Sri Farida Mohd Ali

**KETUA PENGARAH KESIHATAN**

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (P)**

Encik Saiful Anuar Bin Lebai Hussen

**KETUA PENGARANG**

Hapsah Binti Mohd Dusa

**PENGARANG**

Baharudin Bin Mohamad  
Mohd Iswandy Bin Wally  
Mona Ang

**PENYUMBANG ARTIKEL**

Pejabat Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Unit Komunikasi Korporat